

Azreen pernah kendali kes Siti-Syarifah Aini

Oleh TAN MING WAI >> Gambar ZULHAFFIZ HANAFIAH



MENJADI seorang polis tidak pernah terlintas di fikirannya namun itulah hakikat bagi Cif Inspektor Azreen Zakaria, 29, yang seolah-olah 'dipaksa' oleh ahli keluarganya.

Tidak keterlaluan jika perkataan 'paksa' digunakan penulis kerana berdasarkan apa yang diberitahu Azreen, memang ada kebenarannya.

Meskipun tiada keinginan, atas hajat arwah ibunya untuk melihatnya menyertai pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM), beliau yang minat bidang perniagaan terpaksa melepaskan impiannya untuk menjadi seorang usahawan.

Ironinya, bapa dan kakaknya turut 'terlibat' menjadikan Azreen sebagai seorang anggota polis apabila bapanya mengambil borang permohonan manakala kakaknya bertindak mengisi dan menghantar borang tersebut bagi pihaknya.

Namun, ketika menjalani latihan di Pusat Latihan Polis (Pulapol) di Jalan Semarak, ibu negara pada Oktober 2001, segala-galanya berubah apabila Azreen mula melihat pasukan polis dari perspektif yang positif dan mulai sehati dengannya.

Sejak itu, beliau tidak lagi mengangap kerjaya polis sebagai memenuhi permintaan keluarga dan mara dengan tekad untuk menjadi seorang polis yang cemerlang.

Menurutnya, antara detik-detik menarik dilalui beliau ialah ketika bertugas sebagai pegawai penyiasat di Ibu Pejabat Polis Brickfields.

Azreen yang bertugas di situ selama dua tahun setengah sejak tahun 2003 memberitahu, selain menyasat kes jenayah, beliau telah menjadi kaunselor kepada pasangan suami isteri yang mengalami masalah rumah tangga.

"Agak unik mengenai daerah Brickfields, banyak kes rumah tangga dilaporkan dan saya ditugaskan untuk

"Banyak tekanan sepanjang dua bulan pertama kerana perlu bertungkus lumus mengambil keterangan daripada pelbagai pihak serta menganalisisnya, tapi saya berpuas hati kerana itu ialah di antara kes berprofil tinggi yang pernah saya kendali"
- Azreen Zakaria

mengendalikan kes sedemikian.

"Saya bangga kerana khidmat kaunseling yang diberi kepada mereka akhirnya membawa kepada penyelesaian secara damai tanpa mengheretnya ke mahkamah, adakah itu dianggap sebagai kejayaan selaku pegawai penyiasat?" soal Azreen ketawa kepada penulis.

Tambahnya, kekurangan ketika menjadi pegawai penyiasat ialah beliau tidak berkesempatan memegang kes jenayah berat seperti kes bunuh yang selalunya dikendalikan pegawai lebih berpengalaman dan berpangkat lebih tinggi.

Kertas siasatan

Namun, Azreen sebenarnya orang yang bertanggungjawab membuka kertas siasatan kes kontroversi Datuk Siti Nurhaliza dan Datuk Sharifah Aini pada 2004.

"Banyak tekanan sepanjang dua bulan pertama kerana perlu bertungkus lumus mengambil keterangan daripada pelbagai pihak serta menganalisisnya, tapi saya berpuas hati kerana itu ialah di antara kes berprofil tinggi yang pernah saya kendali.

"Bagaimanapun, saya tidak sempat ambil keterangan Siti kerana kes itu diserahkan kepada IPK (Ibu

Pejabat Polis Kontinjen) tidak lama kemudian apabila kontroversinya memuncak," jelasnya.

Asyik menceritakan pengalamannya selaku pegawai penyiasat, penulis membawa Azreen kembali untuk mengimbas permulaannya kariernya dalam PDRM.

Selepas tamat latihan di Pulapol pada 2002, Azreen dilantik Inspektor Percubaan bertugas sebagai Pegawai Kewangan/Belanjawan di Jabatan Logistik Bukit Aman sebelum ditukarkan ke IPD Brickfields sebagai pegawai penyiasat selepas setahun.

Beliau disahkan pangkat Inspektor ketika bertugas di IPD Brickfields dan kemudiannya dinaikkan pangkat Cif Inspektor pada Januari 2007.

Kepakaran Azreen yang memiliki Diploma Perakaunan dari **Universiti Teknologi Mara (UiTM)** Melaka, terus ditagih PDRM pada 2006 apabila diarah kembali berkhidmat di Jabatan Logistik Bukit Aman menjawat jawatan yang sama di mana beliau bermula.

"Tugas harian kini termasuklah mengurus dan menadbir belanjawan PDRM dan baru-baru ini terlibat dalam mesyuarat perancangan bajet dua tahun PDRM," katanya.

Azreen mengakui tugas sebagai pegawai kewangan tidak begitu mencabar berbanding bertugas sebagai penyiasat kerana tugas sekarang lebih melibatkan kerja pejabat.

"Jikalau ada kesempatan, saya ingin kembali ke bidang penyiasatan namun saya akan tetap memberi komitmen yang sama dalam tugas yang saya jalankan sekarang," katanya.

Azreen berasal dari Tampin, Negeri Sembilan merupakan anak keempat dari enam beradik.

Beliau menamatkan zaman bujangnya pada Januari 2006 dengan mengahwini buah hati, Tengku Suzana Raja Hamat, 30, seorang wartawan akhbar harian dan telah dianugerahi seorang cahaya mata.

Azreen turut terkenal di kalangan rakannya sebagai 'artis' kerana minatnya terhadap menyanyi.

Beliau merupakan vokalis bagi kumpulan 'The Bricks' yang dianggotai tujuh lagi rakan-rakannya dari pasukan PDRM.



IBARAT sirih pulang ke ganggang... Azreen Zakaria kini kembali ke Jabatan Logistik, iaitu jabatan yang pernah beliau berkhidmat sebaik tamat latihan kepolisannya sebelum ini.